

14 FEBRUARI 2018

Baldi isi syabu RM1.7 juta dirampas

Baldi isi syabu RM1.7 juta dirampas

MUAR 13 Feb. - Dua baldi berisi cecair seberat 25.5 kilogram disyaki dadah syabu bernilai RM1.7 juta dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Bakri di sini petang semalam.

Dalam serbuan kira-kira pukul 1 petang itu, tiga lelaki berumur 35 hingga 43 tahun yang berada di rumah tersebut turut ditahan.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, selain cecair syabu tersebut, pihaknya turut menemukan 0.86 gram heroin, 77.17 gram syabu dan 16 biji pil *erimin 5* yang menjadikan jumlah keseluruhan rampasan dadah itu mencecah RM1.79 juta.

Menurutnya, turut dirampas ialah sebuah kereta jenis BMW yang bernilai RM80,000 dan wang tunai RM250.

"Cecair syabu tersebut dianggarkan bernilai lebih RM1.7 juta

berdasarkan harga pasaran yang kini mencecah RM70,000 sekilogram," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) di sini hari ini.

Mengenai tiga suspek yang ditahan, Zaharudin memberitahu, ujian saringan air kencing terhadap mereka didapati positif *methamphetamine* dan kesemuanya kini direman hingga 19 Februari ini untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Ujarnya, semakan juga mendapati, dua daripada suspek terbabit memiliki rekod jenayah lampau membabitkan kesalahan dadah.

"Polis juga masih menyiasat dengan lebih lanjut kes ini termasuk apa yang akan dilakukan dengan cecair berkenaan. Cecair itu telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis," katanya.